

Berita Minggu, Ahad, 11 November, 1979

Jika terancam, Malaysia akan bantu Thai

PULAU PINANG, Sabtu — Malaysia akan membantu Thailand sekiranya keadaan di sana mengancam keselamatan negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Walaupun Asean bukan satu pakatan tentera, ia boleh saling bantu-membantu untuk menjamin keselamatan rakyatnya, kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu pemberita demikian selepas berucap merasmikan kursus sehari untuk 200 ketua Penerangan UMNO dari seluruh Pulau Pinang, di sini.

Ketika diminta mengulas tentang perkembangan di Indochina, beliau mengulangi bahawa Asean bukan satu pakatan tentera, tetapi negara-negara anggotanya, terutama Malaysia, Negeri Thailand dan Indonesia, mempunyai "persefahaman"

dari segi kententeraan.

"Jika keadaan di negeri Thai membimbangkan keselamatan dalam negara ini, kita akan tolong mereka", ujarnya.

Mengenai kenaikan harga rumah, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kerajaan tidak berhasrat untuk mengawal harga rumah kerana perkara itu rumit.

"Kerajaan hanya dapat mengawal harga bahan-bahan seperti besi dan simen", katanya.

Harga-harga rumah ditentukan oleh pasaran dan dalam keadaan sekarang permintaan telah melebihi keupayaan membina, menyebabkan harga melambung, katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, masalah itu boleh diatasi dengan membina lebih banyak rumah dan pihak swasta perlu memainkan peranan membina lebih banyak rumah kos rendah.

Bagaimanapun, kekurangan tanah juga menyebabkan harga rumah tinggi, katanya.

Menurutnya, satu lagi masalah besar dalam hal ini ialah keengganan orang ramai tinggal dalam rumah-rumah bertingkat seperti rumah pangsapuri.

Bellau berharap orang ramai akan mula mengubah sikap dan sanggup tinggal dalam rumah-rumah seperti itu.